

# Soalan-soalan Lazim

## 1 Mengapakah Hong Leong Bank dan Hong Leong Islamic Bank ("Bank") tidak lagi mengeluarkan buku akaun?

Pihak Bank komited untuk menghentikan pengeluaran buku akaun sebagai satu cara untuk mengekalkan alam persekitaran. Daya usaha ini bertujuan menggalakkan pelanggan beralih kepada penyata elektronik yang terjamin lebih selamat dan mudah. Anda akan dapat menyemak transaksi harian dan transaksi terdahulu menerusi Perbankan Internet Hong Leong Connect atau App Connect Mobile.

## 2 Adakah sebarang pengecualian diberi?

Pengecualian cuma diberikan kepada pelanggan buku simpanan untuk Akaun Simpanan Harvest dan Akaun Simpanan Senior Savers.

Tiada pengecualian akan diberikan untuk akaun buku simpanan lain-lain. Bank akan berhenti menggunakan Buku Akaun Simpanan/-i berkuatkuasa 1 Julai 2018.

## 3 Bagaimanakah mendaftar diri untuk penyata elektronik ini?

- Jika anda pengguna Connect, anda perlu log masuk Hong Leong Connect – [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my) dan anda akan dapat menyemak atau memuat turun maklumat penyata sehingga 24 bulan.
- Jika anda bukan pengguna Connect, sila daftar untuk akaun dengan mengikut langkah-langkah berikut:



- Atau datang ke cawangan terdekat untuk mendaftar diri untuk langganan emel bagi e-Penyata.

## 4 Bilakah saya akan mula menerima e-Penyata jika saya mendaftar e-Penyata saya sekarang?

Anda akan menerima e-Penyata anda yang pertama pada tarikh penyata anda yang berikut selepas mendaftar untuk Hong Leong Connect atau mendaftar diri untuk langganan emel.

## 5 Berapa bulan sejarah transaksi boleh saya semak melalui Hong Leong Connect?

Anda boleh menyemak sejarah transaksi sehingga 60 hari.

## 6 Apakah yang perlu saya buat dengan Buku Akaun Simpanan/-i saya yang sedia ada?

Buku Akaun Simpanan/-i itu boleh anda simpan tetapi buku akaun tersebut tidak lagi sah berkuatkuasa 1 Julai 2018.

## 7 Bagaimanakah saya boleh buat pengeluaran tanpa buku akaun?

Pengeluaran wang boleh dibuat menggunakan Kad Debit/-i di mana-mana ATM.